

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

FCP 451 Patologi dan Patokimia

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

- 2 -

1. Berikan nota-nota ringkas mengenai langkah-langkah penilaian terapi drug berikut:-

- (A) Penentuan masalah terapeutik
- (B) Matlamat terapi drug
- (C) Alternatif terapeutik
- (D) Mencadangkan regimen drug
- (E) Perancangan dan pemantauan terapi drug.

(25 markah)

2. CD seorang kanak-kanak berusia 2 tahun telah mengalami demam semenjak dua hari yang lalu. Pada pukul 4.00 petang, ibunya telah membawa CD ke Farmasi setelah mendapati suhu badan oralnya pada pukul 7.00 pagi ialah 38.5°C .

(A) Berikan definisi demam dan terangkan patofisiologinya.

(6 markah)

(B) Bincangkan secara am samada demam CD perlu dirawat.

(6 markah)

(C) Cadangkan satu agen antipiretik untuk merawat CD dan berikan rasional, regimen, serta kesan-sampingannya.

(7 markah)

(D) Terangkan rawatan-rawatan tanpa drug yang boleh digunakan untuk merawat demam CD.

(6 markah)

- 3 -

3. (A) Encik AB seorang guru berumur 50 tahun datang ke farmasi anda. Beliau mengadu sakit di bahagian dadanya dan ingin mendapat drug untuk melegakannya.

(i) Huraikan proses penilaian nyeri yang perlu anda lakukan.

(10 markah)

(ii) Daripada penilaian anda, Encik AB didapati mengalami nyeri akut dan memerlukan analgesik narkotik. Senaraikan 5 nyeri akut yang memerlukan agen analgesik narkotik.

(5 markah)

(B) Kemudian Encik AB telah diwadkan dan dirawat dengan morfin 10 mg I.M Q6 jam kerana mengalami infaksi miokardium. Setelah menerima rawatan morfin pesakit mengalami muntah-muntah.

(i) Terangkan patofisiologi muntah yang disebabkan oleh morfin.

(5 markah)

(ii) Cadangkan agen-agen antiemetik yang boleh diberikan untuk merawat keadaan muntah Encik AB.

(5 markah)

...4/-

4. (A) Bandingkan dan bezakan penyembuhan luka berikutan pembedahan pada bahagian perut akibat apendisitis dengan luka pada bahagian peha akibat kecelakaan jalan raya.
(10 markah)
- (B) Apakah yang dimaksudkan dengan
1 - Atrofi
2 - Hipertrofi
(2 markah)
- (C) Beri 2 (dua) ujian makmal yang perlu dilakukan untuk memonitor kesan sampingan gentamisin terhadap fungsi renal pesakit. Terangkan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi ujian tersebut.
(6 markah)
- (D) Terangkan 3 (tiga) ujian hematologi yang sering dilakukan untuk memonitor keberkesanan terapi drug Ferosulfat pada pesakit anemia.
(3 markah)
- (E) Bagaimanakah paras ujian makmal berikut pada pesakit yang mengalami jangkitan meningitis akibat *S. pneumonia*:
- protein
- glukos
- pH
- kiraan sel granulosit
(4 markah)

5. (A) Terangkan pembahagian sel tubuh berdasarkan keupayaannya untuk bergenerasi beserta contohnya.

(6 markah)

- (B) Terangkan jenis kalsifikasi dan berikan contoh untuk setiap jenis tersebut.

(4 markah)

- (C) Apakah yang dimaksudkan dengan:

- Piknosis
- Karyoheksis
- Karyolisis

(3 markah)

- (D) Senaraikan 4 (empat) enzim yang biasanya disukat di dalam ujian fungsi hati. Terangkan kesignifikanan masing-masing ujian tersebut.

(8 markah)

- (E) Data berikut didapati daripada ujian klearansi pesakit:

- isipadu kencing selama 24 jam 1440 ml
- paras kreatinin kencing 50 mg/dl
- paras kreatinin serum 2 mg/dl
- luas permukaan tubuh 1.73 meter persegi

Hitungkan nilai kleransi kreatinin pesakit.

(4 markah)